



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). **Keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.**

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	
			TETAP	KONTRAK
A	GRED LANTIKAN			
1	PEMBANTU KESIHATAN AWAM	U19	1	
2	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN	U29		1
3	AHLI MUZIK	B29		1

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

- B - Perkhidmatan Bakat dan Seni
U - Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

TERTAKLUK DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini;
- iii) Permohonan daripada kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam yang sedang berkhidmat hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan dan mendapat sokongan Ketua Jabatan;
- iv) Permohonan mestilah disertakan dengan salinan sijil yang disahkan;
- v) Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga;
- vi) Pemohon-pemohon hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat;
- vii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga(3) bulan dari tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

PERMOHONAN

Borang (MBSA 1) boleh dibeli di Kaunter Bayaran (Tingkat G) Wisma MBSA dengan harga RM3.20 tunai/naskah.

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**Seksyen Sumber Manusia
Majlis Bandaraya Shah Alam
Tingkat 26, Wisma MBSA, Peti Surat 7200
40706 Shah Alam, Selangor**

**Tarikh iklan dikeluarkan : 11 Oktober 2017
Tarikh tutup permohonan adalah pada : 25 Oktober 2017**

1. **NAMA JAWATAN : PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U19 (TETAP)**

Gred dan Jadual Gaji U19	:	<u>GAJI MINIMUM</u>	<u>GAJI MAKSIMUM</u>
		RM 1,360.00	RM 4,052.00
ITKA	-	RM 115.00	
ITP	-	RM 300.00	
Bayaran Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00	
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 100.00	

SYARAT-SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a)
 - i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
 - iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c)
 - i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan RM 1,360.00) atau
 - ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan RM 1,418.12) **dan**
- (d) **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. **NAMA JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 (KONTRAK)**

Gred dan Jadual Gaji U29 :	<u>GAJI MINIMUM</u>	<u>GAJI MAKSIMUM</u>
	RM 1,797.00	RM 5,753.00
ITKA	- RM 160.00	
ITP	- RM 300.00	
Bayaran Bantuan Sara Hidup	- RM 300.00	
Kenaikan Gaji Tahunan	- RM 145.00	

SYARAT-SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a)
 - i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
 - iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c)
 - i) Diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan : RM 1,797.00) **dan**
- (d) **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. NAMA JAWATAN : AHLI MUZIK GRED B29 (KONTRAK)

Gred dan Jadual Gaji B29	:	<u>GAJI MINIMUM</u>	<u>GAJI MAKSIMUM</u>
		RM 1,499.00	RM 5,679.00
ITKA	-	RM 160.00	
ITP	-	RM 300.00	
Bayaran Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00	
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 145.00	

SYARAT-SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a)
- i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - iii) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
 - iv) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- i) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan / atau lebih alat muzik moden **(keutamaan Saxophone)** atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis Bahasa Melayu dengan memuaskan (Gaji permulaan : RM 1,499.00) atau
 - ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan : RM 1,499.00) atau
 - iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan : RM 1,499.00) atau
 - iv) Diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan : RM 1,777.78) **dan**
- (c) **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.